



Headline: Tertipu RM134k kerana akaun bitcoin tak wujud Language: Malay

Publication/Portal: Harian Metro

Section: Lokal

Date: 19 June 2022

Page: 11

Tertipu RM134k kerana akaun bitcoin tak wujud

Kepala Batas: Seorang wanita warga emas kerugian RM134,503 kerana menjadi mangsa sindiket *Macau Scam* yang mendakwa dia membuat pembelian wang digital bitcoin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Mohd Radzi Ahmad berkata, wanita berusia 61 tahun dan merupakan pesara sektor swasta itu membuat laporan polis berhubung kejadian berkenaan, semalam.

“Wanita itu mendakwa dia menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai dari bank *HSBC Call Centre* dan memaklumkan kad kreditnya digunakan untuk pembelian bitcoin melalui tiga transaksi sebanyak RM15,991.

“Mangsa menafikan penggunaan kad kredit terbabit kerana tidak mempunyai akaun bitcoin dan panggilan telefon itu seterusnya disambungkan kepada seorang lagi lelaki yang mengaku pegawai dari Bank Negara,” katanya.

Katanya, lelaki yang mendakwa pegawai Bank Negara itu meminta wanita berkenaan untuk memberikan

maklumat perbankannya iaitu nama pengguna dan kata laluan kononnya bagi tujuan siasatan.

Mohd Radzi berkata, wanita itu yang ketakutan mengikut semua arahan suspek termasuk memberikan maklumat perbankannya dan hanya menyedari menjadi mangsa sindiket *Macau Scam* itu selepas menerima mesej daripada bank HSBC.

Katanya, pihak bank memaklumkan kepada wanita itu bahawa terdapat pengeluaran wang sebanyak RM134,503 dari tiga akaun milik mangsa.

“Mangsa yang menyedari menjadi mangsa penipuan sindiket *Macau Scam* membuat laporan polis dan kami sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung kejadian itu termasuk mengesan akaun digunakan untuk pemindahan wang dari akaun wanita itu,” katanya.

Beliau berkata, pihak polis menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah percaya dengan sebarang panggilan telefon daripada mana-mana individu yang mengaku sebagai agensi kerajaan atau swasta sebelum pengesahan dilakukan.